

# BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

Oleh sebab bahasa-bahasa Inggeris dan Melayu adalah sekarang ditetapkan dan diakui bahasa-bahasa rasmi oleh kerajaan persekutuan Tanah Melayu di semenanjung ini, maka selain daripada pegawai-pegawai Inggeris yang telah sememang daripada dahulunya belajar bahasa Melayu sehingga setengah daripada mereka itu boleh membaca dan menulis bahasa Melayu dengan huruf Melayu (Arab), banyakkah pada masa ini bangsa-bangsa yang bukan Melayu mulai belajar bahasa Melayu dan setengah daripada orang-orang Melayu kita pun baharu-baharu ini telah menubuhkan kumpulan-kumpulan bagi memperbaiki dan meluaskan bahasa Melayu, di Singapura dan di Malaya ini.

Setengah daripada orang-orang Melayu terutamanya daripada kaum muda kita menjadikan atau mensifatkan surat-surat khabar dan majalah-majalah Melayu itulah sebagai kitab-kitab pelajaran dan

---

Cina Beca atau Arab atau Benggali atau lainnya – adalah sangat kenda gayanya dan mengandungi sindiran dan pengajaran jua. Yang demikian ialah kelebihan yang dikurnia Tuhan kepadanya dan sukar boleh didapati pada orang yang lain. Jika sekiranya ia seorang ahli pengarang yang boleh menulis dan mengarang dengan baik seharusnya ia telah menjadi Shakespeare Melayu pada apa-apa cerita lakonan yang dikarangkannya. Sekarang ini pun sungguhpun ia tidak ada mengarang cerita-cerita lakonan yang bersurat tetapi tiada syak lagi apabila sampai masanya penyiasat-penyiasat yang kemudain akan menuliskan riwayat “Tawarikh kemajuan permainan wayang di antara orang Melayu” kelak maka nama “Aman Belon” ialah suatu nama yang tiada boleh ketinggalan disebutkan di dalamnya.

Diharap pada masa yang ke hadapan ada pengarang-pengarang kita yang akan kemuka sebagai pengarang cerita-cerita lakonan wayang juga bagi meluas dan menggayakan medan persuratan bahasa Melayu.  
(bersambung).

bacaannya kerana membayangkan, dan menghalusi serta meninggikan mutu bahasa Melayunya masing-masing maka oleh yang demikian wajiblah tuan-tuan pengarang akhbar-akhbar dan majalah-majalah itu dan juga penulis-penulis mereka itu menyiarkan bahasa Melayu yang molek susunannya – janganlah main “Hentam Kromo” sahaja menurut apa yang terlintas di hati masing-masing dengan tiada kecermatan masing-masing, salah atau tidaknya susunan dan tertib bahasa Melayunya itu atau menggunakan bahasa asing dengan tidak betul sebutan atau fahamannya, tidak dipedulikan, asalkan dapat orang ramai mengerti sedikit lebih kurang jadilah! Bahawasanya perbuatan dan kemajuan yang sedemikian tidaklah boleh dikatakan pengajaran pada membaiki dan menghalusi bahasa Melayu, hanyalah mencampur adukkan bahasa kita sendiri, kerana telah banyak orang-orang muda kita Melayu hari ini, meniru-niru gaya susunan campur aduk itu maka orang-orang yang bukan Melayu tak dapat tiada akan menurut bahasa Melayu yang tidak senonoh itu yang tiada boleh disyukkan menjemput akibat yang keji kepada bahasa Melayu!

Wahai sekalian tuan-tuan pengarang akhbar-akhbar dan majalah-majalah penulis-penulis cerita dan lain-lainnya di akhbar-akhbar dan majalah-majalah itu! Sila apalah kiranya ambil penat dan cermat tentang bahasa dan peribahasa Melayu kita, jika sebenarnya tuan-tuan sekalian dengan ikhlas berniat baik kepada bangsa dan bahasa tuan-tuan.

Tuan-tuan penulis di akhbar-akhbar dan majalah-majalah, tentang cerita-cerita pendek hendaklah dengan cermat kajikan betul-betul perkataan-perkataan dan huruf yang dihubungkan kepada perkataan-perkataan Melayu atau perkataan-perkataan dagang mana-mana yang mustahak digunakan itu, ialah seperti perkataan-perkataan atau huruf-huruf penghubung ; - yang, nan, nang, kini, kinin, kian dan lain-lain lagi dan juga angka-angka bagi mengulang-ulanginya sebutan yang dimaksudkan bilangan banyak atau lainnya. Maka di bawah ini adalah dengan ikhlas dan apa yang acapkali saya dengar disebut-sebut dan yang saya baca :-

(1) – “Orang yang kasihkan bangsanya” – ini tidak betul maka adapun yang betulnya – orang yang-kasihkan bangsanya

(2) – “Rumah yang-dianya beli” – ini pun tidak betul, maka hendaklah ditulis “Rumah yang dianya beli”

(3) “Siapa yang makan lada dialah rasa pedas “ – ini juga salah, maka hendaklah ditulis “Siapa yang makan lada dialah rasa pedas “atau” Siapa yang makan lada dialah rasa pedas bahawa huruf atau perkataan “yang” itu tiadalah boleh dihubungkan dalam tulisan, yakni dipersatukan ejaannya kepada manusia, atau binatang, atau sesuatu benda, atau nama, atau ganti nama (dhamir) menurut tertib tulisan bahasa Melayu yang sempurna, tetapi jikalau suka boleh dihubungkan kepada sifat atau keadaan seperti : - Yang Mulia, Yang Maha Mulia, Yang Berhormat, yang hina, yang miskin, yang molek, yang hodoh, dan lain-lain seumpamanya. Tetapi tidak salah jika dipersatukan ejaan “yang” kepada perbuatan (fiil) iaitu, yang berjalan, yang berlari, yang duduk, yang berkata-kata, yang bermain, yang menulis atau lain-lain perbuatan.

Hendaklah sekalian saudara-saudara ingat dan perhatikan pada misal (1), (2) dan (3) itu tadi. Maka ketiga-tiganya itu tadi sedikit salahnya pada sebutan mulut dan pendengaran telinga, kerana bahawasanya ketiga-tiganya itu bunyi sahaja, akan tetapi bila dipersatukan “yang” dengan manusia, binatang, atau benda-benda tentang ejaan dalam tulisan maka boleh dipandang yang demikian itu dengan mata kepala dan tulisan itu pula tidak akan hilang selagi dianya tidak binasa atau dibinasakan!

Jikalau sekiranya adalah siapa mengatakan tiada salah melunakkan “yang” itu di mana-mana pun, nescaya tidaklah salah pula bila orang itu menulis yang Muhammad, yang Abdullah yang Sultan, yang Datuk, yang Tuan, Abdullah yang, Sultan yang, kambing yang, yang kambing, rumah yang, yang rumah, yang kampong, kampong yang, atau lain-lain yang seumpamanya.

Berkenaan dengan angka-angka “2” pula. Bahawa angka “2” ini menjadikan sebutan sesuatu perkataan yang mendahuluinya itu berulang-ulang dengan mengandungi dua macam sebutan yang tertentu serta dua atau tiga pengertian yang berlain-lain misalnya :

(1) – Orang itu tidak sekali-sekali membuat salah (sebutannya – sekali sekala) yang bererti, tidak sekalipun orang membuat salah.

(2) – Tidak sekali-sekali orang itu datang ke rumah

saya (sebutannya – tidak sekali sekala) yang bererti bukanlah sekali sahaja orang itu datang ke rumah saya, tetapi berturut-turut kali yang renggang di antara satu masa ke satu masa, ataupun ertinya kadang-kadang dating juga orang itu ke rumah saya. Maka ini samalah seperti kata pepatah Melayu : - “ Jikalau selalu sangat timba itu ke telaga, sekali tak sekali putus talinya dan . . .” maka oleh itu hendaklah ingat bahawa pada (1) sebutannya “sekali-kali.” Dan pada (2) sebutannya “sekali sekali.” Sebagaimana yang dilakukan oleh hampir-hampir semua bangsa di dalam dunia ini bahawa bangsa-bangsa itu menirulah perkataan-perkataan daripada bahasa-bahasa dagang jika mustahak, tetapi tiada di dalam bahasanya sendiri dan yang ditirunya itu hendaklah sempurna tentang tertib susunan (nahu) bahasa yang ditirunya itu. Sekarang ada banyak orang-orang Melayu kita menggunakan perkataan-perkataan Inggeris sepatah daripadanya ialah seperti yang dikatakan oleh mereka orang-orang kita : - “Ada juga orang-orang simpati dengan kita. “Ada pun simpati (SYMPATHY) itu ialah hak keadaan kejadian daripada perbuatan (menimbangrasa, atau bersamaan fikiran atau tujuan) iaitu isim (bukanlah fiil) tetapi mengapakah dipakaikan dia pada tempat fiil? Jika dikatakan boleh dijadikan dia fiil menurut gaya faktor-faktor moden karut sekarang, nescaya tidak salah pula kita berkata : - “Orang jahat itu sudah pencurian, ataupun sudah pencuri barang-barang saya semalam” ataupun berkata : - “Kami lapar sangat maka makanlah kami nasi basi.”

Orang-orang yang tahu bahasa Inggeris yang tersebut serta menurut nahu Inggeris akan menggunakan perkataan sympathize (SYMPATHIZE) sebagai f'il (VERB) dan boleh dikatanya : - “ Kami hargakan simpati (SYMPATHY) orang-orang itu “ ataupun berkata dengan cukup kesempurnaannya : - “ Simpati daripada pihak Cina-cina penanam sayur itulah yang memperangsangkan hati penjahat-penjahat di hutan itu, jika pekebun-pekebun sayur itu simpatian dengan kerajaan tentulah telah lama dahulu mereka itu bukakan rahsia-rahsia penjahat-penjahat itu kepada polis.”